

## Pendirian Generasi Muda Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Wadah Patriotisme Di Malaysia

### *Younger Generation's Stand On The Usage Of Malay Language As A Basis Of Patriotism In Malaysia*

Ku Hasnita Ku Samsu<sup>1</sup>, Zatul Himmah Adnan<sup>2</sup>, Mohd. Mahadee Ismail<sup>3</sup>, Lee Yok Fee<sup>4</sup>, Arfah Ab Majid<sup>5</sup>, Ratna Roshida Ab Razak<sup>6</sup>

*1, 2, 3, 4, 5, 6 Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Serdang*

#### Article progress

Accepted: 28 Ogos 2020

Reviewed: 30 September 2020

Published: 30 November 2020

#### \*Corresponding author:

Ku Hasnita Ku Samsu, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Serdang, Malaysia;  
Email: hasnita@upm.edu.my

**Abstrak:** Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu pernah muncul sebagai *lingua franca* ratusan tahun yang lalu sekali gus merupakan refleksi kepada kehebatan dan ketinggian darjat bahasa tersebut. *Lingua franca* merujuk kepada bahasa perantara atau bahasa perhubungan antara masyarakat dengan golongan yang berlainan bahasa. Hal ini bermaksud bahasa Melayu merupakan bahasa pergaulan yang mudah dipelajari dan difahami oleh sesiapa sahaja. Lantaran itu, bahasa tersebut berupaya bertindak sebagai jambatan ke arah pengharmonian dan perpaduan dalam kalangan para penuturnya kerana keserasian serta kesefahaman mereka melalui satu bahasa pertuturan yang sama. Kehebatan bahasa Melayu juga turut terserlah apabila perjanjian-perjanjian penting antara pihak penjajah dengan Raja-raja Melayu turut dibuat dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi seperti Perjanjian Pangkor 1874. Malah ketika zaman penjajahan, bahasa Melayu tidak pernah dihapuskan oleh penjajah. Status bahasa Melayu juga telah diangkat sebagai salah satu daripada elemen-elemen tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Situasi ini memperlihatkan bahasa Melayu merupakan sumber jati diri yang kukuh serta berupaya membentuk semangat patriotisme setiap penuturnya yang bergelar rakyat Malaysia. Namun realiti yang berlaku agak berbeza apabila terdapat sebilangan warganegara yang fasih berbahasa Melayu telah memaparkan sikap tidak patriotik mereka secara terang-terangan, terutamanya melalui media sosial. Justeru, kajian ini dilakukan secara kuantitatif untuk meneliti pendirian generasi muda di negara ini terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai wadah semangat patriotisme. Responden kajian ini terdiri daripada 400 mahasiswa Universiti Putra Malaysia dan 400 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hasil kajian memaparkan majoriti responden berpendirian bahawa bahasa Melayu sememangnya berupaya bertindak sebagai wadah patriotisme.

**Kata kunci:** bahasa Melayu, patriotisme, unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan

**Abstract:** History has proven that the Malay language was the *lingua franca* which appeared hundred years ago is a reflection of its grandeur. *Lingua franca* refers to a language that is adopted as a common language between speakers or the language of communication among the different communities. This means that the Malay language is a language which can be learnt and understood easily by anyone. Therefore, Malay language is capable of being used as a bridge towards the harmonization and unification among its speakers due to their understanding and compatibility through the

same spoken language. The greatness of the Malay language can also be seen through the important agreements between the colonists and the Malay Rulers which were made in the Malay language by the usage of Jawi writing such as the Pangkor Treaty of 1874. During the colonial period, the Malay language was never written off by the colonist. On top of that, the status of the Malay language has been enshrined as one of the traditional elements in the Federal Constitution. This situation indicates the Malay language is the source of creating a strong identity and is able to form patriotism among its Malaysian speakers. But the reality is quite different when there are a certain number of citizens who are able to speak the Malay language fluently but, have displayed their non-patriotic attitude openly, especially through social media. Therefore, this study was conducted quantitatively to examine the extent of the younger generation's stand towards the usage of the Malay language as the basis of patriotism. The respondents consisted of 400 Universiti Putra Malaysia students and 400 Universiti Pendidikan Sultan Idris students. The findings show the majority of respondents have a stand that the Malay language is capable of becoming a tool for the formation of patriotism.

**Keywords:** Malay language, patriotism, traditional elements of the Federal Constitution

## Pengenalan

Slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' mempunyai pengertian mendalam dalam konteks pembentukan jati diri setiap warga. Walaupun slogan tersebut dicipta 64 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1952, namun pengertiannya tetap relevan di sepanjang zaman. Pengertian bangsa yang merujuk kepada kesatuan budaya dan kesatuan politik memaparkan jiwa yang perlu bersatu dalam sesebuah negara (Ernest. R: 1929 & Robert. W. 1998). Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, jiwa yang perlu bersatu melalui kesatuan budaya dan politik merujuk kepada jiwa masyarakat pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain. Antara agen utama bagi penyatuan etnik adalah melalui kaedah komunikasi dengan menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh semua etnik. Secara umumnya, sifat bahasa yang sedemikian adalah merujuk kepada bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu seperti yang telah dimaktubkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Justeru, bahasa Melayu merupakan bahasa yang menjadi milik bersama semua rakyat Malaysia tanpa mengira etnik bagi membentuk perpaduan, sekaligus mempamerkan identiti kebangsaan serta semangat patriotisme. Patriotisme merupakan semangat cintakan tanah air yang disertai dengan kesanggupan untuk berkorban apa sahaja demi negara (Berns, 1997). Namun begitu, semangat cintakan negara ini perlu dibatasi dengan akhlak dan ilmu bagi mengelak patriotisme melulu berteraskan kepada falsafah "*My Country, Right or Wrong!*" yang membawa kepada *egocentric patriotism*. Justeru, bagi mengenal pasti semangat patriotisme yang

hakiki, setiap negara perlu merangka petunjuk yang jelas berlandaskan akhlak dan ilmu. Dalam konteks Malaysia, Wan Mohd Nor (2015) telah mencadangkan 15 petunjuk utama patriotisme iaitu:

1. Menghormati agama Islam sebagai agama persekutuan dan hak-hak agama lain.
2. Menghormati bendera Malaysia, lagu Negaraku, dan Rukun Negara.
3. Menghormati institusi raja, perlembagaan, dan undang-undang.
4. Menggunakan bahasa kebangsaan dalam semua urusan rasmi dan kemasyarakatan.
5. Mengiktiraf keahlian dan kepakaran dalam semua bidang mengikut kepentingan agama, bangsa, dan negara.
6. Menjaga orang tua dan keharmonian keluarga.
7. Membayar cukai pendapatan dan mengamalkan perbelanjaan berhemah.
8. Memupuk kerjasama antara agama dan etnik.
9. Menyokong sekolah kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.
10. Bersopan satun dan beradab dalam semua perkara.
11. Menunaikan semua amanah dan bekerja dengan cekap dan sempurna.
12. Memelihara kebersihan, kesihatan diri, keluarga, dan institusi.
13. Mengenali sejarah negara, negeri, dan kampung halaman.
14. Mengenali dan memelihara alam sekitar, flora fauna, dan haiwan tempatan.
15. Menghormati undang-undang, budaya serta adat resam pelbagai negara, dan menyumbang kepada

kesejahteraan sejagat.

Daripada keseluruhan 15 petunjuk utama tersebut, petunjuk keempat iaitu menggunakan bahasa kebangsaan dalam semua urusan rasmi dan kemasyarakatan dilihat sangat relevan dengan perbincangan makalah ini. Hal ini menunjukkan kemampuan seseorang warga menguasai bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dengan baik boleh diperakui sebagai patriotik. Meskipun begitu, penentuan sama ada penggunaan bahasa Melayu mampu dikaitkan sebagai manifestasi patriotisme atau sebaliknya adalah bergantung kepada keupayaan setiap warga dalam menjiwai bahasa tersebut, bukan semata-mata menguasainya. Dalam hal ini, penguasaan bahasa Melayu berlaku melalui dua cara iaitu, pertama: bahasa Melayu dikuasai secara warisan, maksudnya seseorang warga itu memang lahir dalam keluarga yang bertutur bahasa Melayu seperti orang Melayu; kedua: bahasa Melayu dikuasai melalui agen sosialisasi seperti pendidikan di sekolah dan pergaulan dengan rakan-rakan, namun tidak semestinya bahasa tersebut dijiwai sepenuhnya oleh mereka yang terangkum dalam kedua-dua kategori ini. Maksud “menjiwai” adalah merujuk kepada mengetahui, memahami, mendalami serta menghayati sejarah dan falsafah penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Secara umumnya, seseorang warga yang boleh bertutur bahasa Melayu sepatutnya menjiwai bahasa tersebut, dengan erti kata lain berupaya menghayati sejarah dan menguasai falsafah yang berkait rapat dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan kaum.

Sebagai sebuah negara yang memiliki kerencaman kaum, sudah pasti penyatuan dan perpaduan rakyat menjadi antara agenda utama negara. Masalah dan isu perpaduan yang timbul boleh mengganggu-gugat usaha kerajaan untuk mengukuhkan pembangunan negara dari aspek seperti ekonomi, pendidikan, sukan, sains dan teknologi dan sebagainya lagi kerana terpaksa memberi tumpuan kepada penyelesaian isu perpaduan tersebut. Justeru, dalam konteks bernegara, rakyat perlu menyedari bahawa tanggungjawab utama mereka kepada negara adalah mencintai tanah air mereka sepenuh hati atau memiliki semangat patriotisme yang tinggi. Semangat patriotisme tersebut akan menjadi tunggak utama kepada setiap warganegara untuk melunaskan tanggungjawab lain terhadap negara. Antara tanggungjawab tersebut adalah menjaga hubungan antara etnik dan sesama etnik agar perpaduan terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan dan kecemerlangan negara. Oleh yang demikian, dalam konteks Malaysia penggunaan bahasa Melayu merupakan antara medium utama untuk merealisasikan matlamat tersebut sebagai wadah patriotisme. Lantaran itu, sewajarnya bagi setiap warga menyedari bahawa

bahasa kebangsaan yang dipertuturkan oleh mereka membawa makna dan mesej tersirat disebaliknya iaitu, medium perpaduan sekaligus bertindak sebagai refleksi patriotisme.

## Isu dan Permasalahan

Sememangnya telah diperakui bahawa keupayaan setiap warga menguasai bahasa Melayu adalah merupakan antara petunjuk utama semangat patriotisme di Malaysia. Malah Muhammad Zaini Uthman (2015) menegaskan bahawa:

‘Bahasa utama sesebuah negara adalah pengikat perpaduan, mengisi semangat setianegara dan menjiwakan makna-makna luhur warga, maka dengannya akan zahirlah warga-warga yang seia dan sekata dalam hati, pertuturan dan perbuatan.’

Berdasarkan kenyataan tersebut, jelaslah bahasa utama negara atau dalam konteks penulisan ini bahasa Melayu merupakan bahasa penyatuan rakyat. Setiap rakyat yang menguasai bahasa tersebut pada dasarnya memiliki nilai persefahaman yang tinggi. Justeru, secara idealnya mereka juga mempunyai sikap hormat-menghormati antara satu sama lain terutamanya yang berlainan etnik. Situasi sebegini pada hakikatnya mampu membendung ungkapan atau perlakuan yang menyentuh sensitiviti antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain. Namun, realiti yang berlaku dalam kalangan sebilangan rakyat pada hari ini adalah bertentangan dengan senario tersebut. Hal ini dapat ditelusuri melalui laporan media sama ada media arus perdana mahupun media sosial yang memaparkan sikap warga Malaysia yang sememangnya dapat menguasai bahasa Melayu tanpa mengira kumpulan etnik telah memperlihatkan sikap tidak patriotik mereka melalui penghinaan terhadap unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Situasi sebegini kelihatan semakin serius sejak kebelakangan ini.

Hal ini dapat ditelusuri melalui penghinaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang termaktub kemas dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Penghinaan ini dilakukan oleh Pemuda Sosialis Parti Tindakan Demokratik (DAPSY) yang bertindak menampal pelekat bertulisan Cina di papan tanda berbahasa Melayu di sekitar Bandaraya Kuching pada bulan Ogos, 2020 (“Tampal pelekat bahasa Cina”, 2020). Perbuatan sebegini merupakan kebiadapan melampau yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan warganegara tanpa mengira kumpulan etnik sekali gus menterjemahkan betapa rendahnya tahap patriotisme mereka. Begitu

juga dengan situasi yang berlaku di Shah Alam, Selangor pada bulan November 2018 apabila papan tanda berbahasa Melayu di tambah dengan tulisan Cina, manakala tulisan jawi yang terdapat pada papan tanda berbahasa Melayu itu telah dibuang. Situasi biadap ini telah di tegur oleh baginda Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku ketua negeri yang mengarahkan agar papan tanda berbahasa Cina itu ditanggalkan dan digantikan serta-merta dengan papan tanda berbahasa Melayu (Ruwaida, 2018). Sebagai warganegara Malaysia, pelaku yang tidak bertanggungjawab itu sepatutnya berasa malu dengan tindakan memperlekehkan bahasa kebangsaan sedemikian rupa. Meskipun secara umumnya pelaku-pelaku yang biadap tersebut mampu bertutur bahasa Melayu kerana mereka warganegara Malaysia, namun senario ini memperlihatkan kegagalan mereka menjiwai semangat bahasa kebangsaan. Kegiatan tidak patriotik sebegini jika tidak dikekang dengan ketegasan penguatkuasaan undang-undang akan menjadi barah yang akan mencemarkan kedaulatan bahasa kebangsaan.

Selain itu, penghinaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan bukan hanya berlaku terhadap bahasa Melayu sahaja, malah turut melibatkan penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah oleh Ooi Wei Siong dalam laman sosial Facebooknya ("Penganggur didenda," 2020). Begitu juga penghinaan yang dibuat oleh Datuk Dr. Xavier Jayakumar yang menyifatkan persidangan Parlimen pada 18 Mei 2020 di Dewan Rakyat sebagai sampah dan tidak berguna kerana hanya terkandung titah Yang di-Pertuan Agong sahaja sebagai urusan mesyuarat, manakala perbahasan akan ditangguhkan pada tarikh lain (Yusmizal, 2020). Lebih parah lagi apabila penghinaan sedemikian rupa dilakukan oleh orang Melayu sendiri yang secara umumnya lebih sehati dengan jati diri Melayu yang menjadi tunggak kepada pembinaan tanah air tercinta ini. Situasi ini dapat dilihat apabila Nurhaizad Azhar telah didapati bersalah kerana menghina Yang di-Pertuan Agong melalui laman sosial Facebook ("Peniaga Hina Agong," 2020). Selain itu, penghinaan terhadap agama Islam juga semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini sehinggakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah bekerjasama untuk menangani isu kiriman dalam talian terutama media sosial yang berbentuk provokasi dan menghina agama ("Jakim terus pantau," 2020).

Penghinaan-penghinaan tersebut dilakukan oleh individu daripada pelbagai kumpulan etnik, bukan khusus kepada satu kumpulan etnik sahaja. Keadaan ini tidak sewajarnya berlaku kerana sebagai warganegara

Malaysia mereka sepatutnya sensitif dan prihatin dengan unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan seperti hal yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan, raja-raja Melayu dan agama Islam. Malah sebagai warganegara yang secara amnya dapat menguasai bahasa Melayu sepatutnya lebih menjiwai dan menghayati tatasusila hidup bernegara yang dipayungi oleh Yang di-Pertuan Agong dengan menjaga sensitiviti masyarakat pelbagai etnik ini. Apatah lagi apabila melibatkan status agama persekutuan dalam perlembagaan negara. Hakikatnya, penghinaan sebegini yang kebanyakannya dilakukan oleh generasi muda telah membentuk persepsi negatif dari aspek keteguhan semangat patriotisme mereka. Hal ini disebabkan oleh kegagalan mereka dalam menjiwai semangat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang mengikat perpaduan rakyat di negara ini. Sehubungan itu, penulisan makalah ini adalah untuk meneliti pendirian generasi muda terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai wadah semangat patriotisme di negara ini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif yang melibatkan 400 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan 400 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bagi memastikan dapatan kajian yang tepat tentang pendirian generasi muda terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai asas patriotisme, maka para responden yang dipilih adalah terdiri daripada mahasiswa yang telah mengambil kursus berteraskan patriotisme iaitu Kenegaraan Malaysia. Penetapan jumlah responden tersebut adalah bagi memenuhi purata piawaian penetapan saiz sampel sepertimana yang telah dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 800 orang. Walaupun terdapat beberapa buah universiti awam (UA) lain yang turut menawarkan kursus Kenegaraan Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang mengguna pakai nama kursus Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia, namun UPM telah dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan tempoh penawaran kursus tersebut yang melebihi usia 30 tahun iaitu semenjak awal tahun 1980-an hingga kini (Zaid, Sri Rahayu & Ahmad Tarmizi 2010: 133). Data dianalisis secara deskriptif yang melibatkan frekuensi dan jadual silang (crosstabulations) bagi mencapai objektif kajian ini.

## Dapatan dan Perbincangan Hasil Kajian

Hasil kajian memaparkan sejumlah 75 peratus responden memperlihatkan pendirian yang positif


terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai wadah semangat patriotisme generasi muda. Hal ini dapat diterjemahkan melalui persetujuan mereka mengenai sikap rakyat yang merendahkan status penggunaan bahasa kebangsaan menjadi penyebab kepada berlakunya hakisan semangat patriotisme golongan tersebut. Keadaan ini tidak sewajarnya berlaku kepada rakyat Malaysia yang patriotik kerana bahasa kebangsaan merupakan asas keutuhan jati diri yang bertindak sebagai pemangkin patriotisme rakyat. Hal ini diperakui oleh Abdullah Hassan (2009) yang menggariskan lima ciri pembentukan jati diri bangsa iaitu leluhur, bahasa, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama. Oleh yang demikian, situasi yang sepatutnya berlaku dalam kalangan warga yang patriotik ialah memandangi dan menjunjung tinggi status penggunaan bahasa kebangsaan, bukannya menganggap bahasa tersebut kurang moden dan tidak penting.

Dalam konteks ini, aspek kefasihan berbahasa Melayu dan aspek memandangi tinggi status penggunaan bahasa kebangsaan adalah dua perkara yang berbeza. Sememangnya rakyat yang memandangi tinggi dan menjunjung status penggunaan bahasa kebangsaan adalah mereka yang fasih berbahasa Melayu. Walaubagaimanapun rakyat yang fasih berbahasa Melayu tidak semestinya memandangi tinggi status bahasa tersebut. Contohnya kebanyakan golongan elit Melayu secara umum fasih berbahasa Melayu, namun kurang memandangi dan menyanjung tinggi kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa tamadun tinggi. Lebih malang lagi apabila situasi sebegini berlaku dalam kalangan para pembuat dasar yang merencanakan hala tuju negara. Hal ini dapat dilihat melalui pengenalan dan pelaksanaan program rintis *Dual-Language Programme* (DLP) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris ("Program rintis DLP," 2016). Senario yang berlaku ini membuktikan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seolah-olah diragui oleh para pembuat dasar tersebut sekali gus menggambarkan kekerdilan bahasa Melayu dalam penerokaan ilmu pengetahuan di peringkat global. Dalam konteks ini, Jeniri (2009) menegaskan bahawa tidak ada satu pun negara bekas jajahan yang menggunakan bahasa Inggeris dapat mencapai kemajuan. Hakikatnya bahasa Melayu tidak kerdil, namun kekerdilan yang dirasakan itu adalah kerana sikap kerdil penuturnya serta dasar yang mahu mengerdilkannya.

Sejarah telah mencatatkan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sejak zaman berzaman, malah faktor penjajahan turut tidak melenyapkan penggunaan


bahasa tersebut. Namun neokolonialisme oleh bangsa sendiri yang mengutamakan bahasa penjajah telah menyebabkan kerencatan kemajuan dan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu merangkap bahasa tamadun tinggi. Kegemilangan bahasa Melayu suatu ketika dahulu memaparkan kehebatan dan kegemilangan bangsa Melayu itu sendiri kerana bahasa tersebut tidak akan berada pada kedudukan sedemikian sekiranya bangsa Melayu memandangi rendah serta memperlekehkannya. Justeru bahasa Melayu bertindak sebagai penggerak tamadun bangsa sekali gus berperanan sebagai bahasa yang digunakan untuk membentuk, merakamkan, membina dan menyampaikan fikiran bangsa dari satu generasi ke generasi yang lain, bukan sekadar terbatas kepada bahasa komunikasi dan bahasa untuk perhubungan sosial sahaja (Jeniri 2009: 44). Situasi ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu merupakan elemen jati diri unggul yang perlu dijulang oleh bangsa Melayu khususnya dan seluruh warganegara umumnya. Hal ini disebabkan oleh latar sejarah bahasa tersebut yang menjadi mekanisme kepada kegemilangan tamadun bangsa dan seterusnya diangkat sebagai salah satu elemen tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, warganegara yang memandangi rendah akan status penggunaan bahasa Melayu boleh dianggap sebagai melupai asal-usul seperti kacang lupukan kulit serta mengalami sindrom kelunturan semangat patriotisme. Sementara itu, golongan yang fasih berbahasa Melayu tanpa mengira etnik tetapi bertindak menghina elemen kenegaraan seperti Raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan dan bendera negara juga diambil kira sebagai kurang patriotik kerana tidak menghayati nilai dan asal-usul bahasa Melayu. Walaupun warga tersebut bukan terdiri daripada etnik Melayu seperti Cina, India, Punjabi dan sebagainya lagi, mereka juga mestilah memperakui kehebatan serta menjunjung tinggi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan tidak melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan semangat patriotisme. Justeru dapatan kajian memaparkan memaparkan 63 peratus responden bukan Melayu yang terdiri daripada Cina, India dan lain-lain etnik bersetuju bahawa antara faktor yang menyebabkan terhakisnya semangat patriotisme generasi muda adalah disebabkan oleh sikap rakyat yang merendahkan status penggunaan bahasa kebangsaan. Hal ini memperlihatkan responden bukan Melayu turut memberi reaksi yang positif terhadap keperluan menjunjung tinggi status penggunaan bahasa kebangsaan sebagai asas pembentukan semangat patriotisme. Perincian dapatan kajian tersebut boleh diteliti dalam Carta 1:



Carta 1: Reaksi Responden Bukan Melayu

Dalam konteks ini, bagi memantapkan semangat patriotisme generasi muda khususnya golongan mahasiswa, maka beberapa Universiti Awam (UA) telah mewajibkan mahasiswa untuk mengambil kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya. Objektif pengajaran subjek tersebut sudah pasti untuk memperkukuhkan semangat patriotisme mahasiswa melalui kandungan kursus yang melibatkan aspek-aspek kenegaraan termasuklah kepentingan dan kedudukan bahasa Melayu. Memandangkan kebanyakan UA mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran, maka kajian ini cuba meneliti pendirian responden terhadap penggunaan bahasa yang bersesuaian sebagai medium pengajaran kursus tersebut. Hasil kajian mendapati sejumlah 91 peratus responden berpendirian positif dengan menyatakan persetujuan agar kursus Kenegaraan Malaysia dan yang seumpama dengannya diajar sepenuhnya dalam bahasa Melayu untuk memantapkan patriotisme generasi muda. Hal ini semestinya berpaksikan kepada nilai bahasa Melayu sebagai tunggak jati diri dalam memantapkan patriotisme mahasiswa sekali gus selari dengan semangat yang dibawa dalam kursus tersebut. Rujuk Carta 2.-



Carta 2: Pendirian responden agar kursus Kenegaraan Malaysia diajar sepenuhnya dalam bahasa Melayu untuk memantapkan patriotisme generasi muda

Jika diteliti dari segi pendirian responden pelbagai etnik terhadap keperluan penggunaan bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus pembinaan bangsa tersebut, ternyata majoriti daripada jumlah responden berdasarkan kumpulan etnik menyatakan pendirian yang positif. Situasi ini dapat dilihat apabila 95 peratus responden Melayu, 64 peratus responden Cina, 80 peratus responden India dan 100 peratus responden lain-lain etnik (hanya tiga orang sahaja) menyatakan persetujuan akan perkara tersebut. Hal ini menunjukkan wujudnya kesedaran bukan sahaja dalam kalangan etnik Melayu, malah etnik-etnik lain juga terhadap pentingnya penggunaan bahasa Melayu sebagai wadah patriotisme warga. Rujuk Jadual 1.

ETNIK	PENDIRIAN (%)	
	Bersetuju	Tidak Bersetuju
Melayu	95	5
Cina	64	36
India	80	20
Lain-Lain	100	0

Jadual 1: Pendirian responden pelbagai etnik terhadap keperluan penggunaan bahasa Melayu dalam PdP kursus Kenegaraan Malaysian dan yang seumpama dengannya.

## Kesimpulan

Walaupun terdapat warganegara yang fasih berbahasa Melayu memperlihatkan sindrom keruntuhan patriotisme, namun hal ini tidak bermakna majoriti rakyat negara ini bersikap sedemikian. Hal ini berlaku disebabkan oleh kegagalan golongan tersebut dalam menghayati dan memahami nilai jati diri di sebalik penggunaan bahasa Melayu serta latar sejarahnya. Situasi yang berlaku ini menggambarkan sikap tidak mengambil tahu akan tamadun bangsa sendiri yang banyak digerakkan oleh kegemilangan penggunaan bahasa Melayu suatu ketika dahulu. Malah ada yang mengambil tahu tetapi tidak merasakan kepentingannya, oleh itu amalan penggunaan bahasa Melayu mereka bersifat hambar, hanya sekadar alat untuk berkomunikasi tanpa mendalami falsafah sebaliknya. Akibat daripada kegagalan tersebut, maka lunturlah semangat kecintaan mereka kepada tanah air. Hal ini kerana penggunaan bahasa Melayu beserta penghayatan merupakan antara sumber asas jati diri yang menjadi wadah semangat patriotisme setiap warganya. Justeru, bagi memastikan bahasa kebangsaan terus dihayati dan dijiwai sepenuh hati oleh setiap warga tanpa mengira kumpulan etnik maka kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap institusi pendidikan yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Hal ini kerana institusi pendidikan formal yang bermula daripada peringkat pra-sekolah sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi merupakan agen sosialisasi paling utama dalam menyemai dan memupuk kecintaan terhadap bahasa kebangsaan sekali gus membantu proses penghayatan bahasa tersebut ke dalam minda dan jiwa para pelajar. Oleh yang demikian, kewujudan sekolah-sekolah vernakular yang mementingkan bahasa ibunda etnik masing-masing sama ada Cina mahupun India dengan menyetepikan bahasa kebangsaan patut dinilai semula akan kerelevannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, sektor swasta juga perlu menjunjung tinggi agenda negara dalam mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di organisasi mereka. Hal ini tidak bermakna mereka perlu menyisih bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin atau Tamil. Namun apa yang perlu mereka lakukan adalah memberi keutamaan kepada bahasa kebangsaan, manakala bahasa lain turut diterima pakai mengikut keperluan, dengan kata lain: bahasa kebangsaan dijunjung, bahasa-bahasa lain dikendong. Dalam konteks ini, peranan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja dimainkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta sahaja, tetapi melibatkan semua golongan dan individu yang bergelar

warganegara Malaysia. Hal ini kerana, aspek bahasa Melayu sama ada dari segi penguasaannya ataupun penghayatannya merupakan refleksi kepada manifestasi semangat patriotisme setiap warga.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemusiaan*. 16: 59–81
- Berns, W. (1997). On Patriotism. *Public Interest*, Spring: 19.
- Ernest Renan. (1929). *La Reforme Intellectuelle et Morale*. Calmann-Levy
- Jakim terus pantau kiriman yang menghina Islam dan Rasulullah. (22 Jun 2020). **Astro Awani**. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-terus-pantau-kiriman-yang-menghina-islam-dan-rasulullah-248258>
- Jeniri Amir. (2009). *Bahasa, Negara dan Bangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Zainiy Uthman. (2015). Unsur-unsur utama pemupukan bangsa, kebangsaan dan patriotisme. Dalam Muhammad Zainiy Uthman (pytg). *Bunga rampai bangsa, kebangsaan dan patriotisme* (ms. 27-50). CASIS UTM
- Penganggur didenda hina Agong. (17 Mac 2020). **BH Online**. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/03/666095/penganggur-didenda-hina-agong>
- Peniaga hina Agong kena denda RM6,000. (7 April 2020). **BH Online**. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/674037/peniaga-hina-agong-kena-denda-rm6000>
- Program rintis DLP bermula. (11 Januari 2016). **Utusan Online**. <http://www.utusan.com.my/pendidikan/program-rintis-dlp-bermula-1.178216>
- Robert Wesson. (1988). *Politics Individual and State*. Prentice-Hall
- Ruwaida Md. Zain. (19 November 2018). Sultan Selangor arah tanggal papan tanda tulisan Cina. **BH Online**. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/20>

[18/11/499830/sultan-selangor-arrah-tanggal-papan-tanda-tulisan-cina](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tampal-pelekat-bahasa-cina-tidak-peka-sentimen-masyarakat-majmuk-256081)

Tampal pelekat bahasa Cina - Tidak peka sentimen masyarakat majmuk. (21 Ogos 2020). **Astro Awani**. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tampal-pelekat-bahasa-cina-tidak-peka-sentimen-masyarakat-majmuk-256081>

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2015). Patriotisme adil di zaman global. Dalam Muhammad Zainiy Uthman (pytg). *Bunga rampai bangsa, kebangsaan dan patriotisme* (ms. 13-26). CASIS UTM

Yusmizal Dolah Aling. (19 Mei 2020). Dr Xavier didakwa hina institusi diraja. **MyMetro**. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/580187/dr-xavier-didakwa-hina-institusi-diraja>